


**TRANSLITERASI NASKHAH  
RISALAH PADA MENYATAKAN HUKUM JUAL BELI DAN HUKUM  
RIBA  
(MSS 2276)**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN  
PENGGOMERSILAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**NURHIDAYAH MUHD HASHIM  
FAIRUZAH BT BASRI  
PROF. MADYA DR. MUJAINI TARIMIN**

**OKTOBER 2006**

## PENGHARGAAN

Alḥamdulil'LLāh Rabb al-°Ālamīn, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, sekalian ahli keluarga dan para sahabatnya. Dengan puji-pujian ini kami sandarkan kesyukuran ke hadrat Ilahi yang telah menganugerahkan kekuatan, kecekalan dan kesabaran kepada kami selaku kumpulan penyelidik sehingga memungkinkan kami menyempurnakan penyelidikan hingga ke penghujung jalan.

Kami merakamkan setinggi penghargaan kepada kepada Institut Perundingan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC), UiTM yang telah membiayai penyelidikan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Manuskrip Melayu (PMM), Perpustakaan negara Malaysia (PNM) yang telah bersedia membekalkan naskhah manuskrip yang menjadi bahan kajian penyelidikan ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Pengarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Tuan Haji Muhamad Rahimi Osman, Koordinator URDC, CITU, Prof. Madya Baharuddin Sayyin kerana sentiasa memberi dorongan dan semangat dalam menjayakan penyelidikan ini.

Tidak lupa juga, penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan idea, buah fikiran dan pandangan baru kepada kami untuk memberi wajah baru kepada penyelidikan kami.

Kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam menjayakan penyelidikan ini kami hanya mampu mengucapkan *jazākumu'LLāh khairan kathīrā*. Semoga Allah *subḥāna wa ta°ālā* memberkati usaha tuan dan puan. Amin, Ya Rabb al-°Ālamīn.

Kumpulan Penyelidik

## ABSTRAK

Naskhah *Risalah Pada Menyatakan Hukum Jual Beli dan Hukum Riba* merupakan salah satu daripada ribuan naskhah manuskrip yang berada dalam koleksi Pusat Manuskrip Melayu (PMM), Perpustakaan negara Malaysia (PNM). Naskhah ini mengandungi penjelasan mengenai amalan jual beli yang dianjurkan oleh Islam dan memperincikan hukum riba yang diharamkan. Pengarang naskhah menggunakan pendekatan ayat al-Qur'an, Hadis Nabi dan juga ulasan para ulama salaf al-salih semasa membentangkan amalan jual beli yang diharuskan oleh syarak dan amalan riba yang diharamkan. Naskhah ini telah menyentuh perkara asas dalam amalan jual beli seperti rukun dan syarat jual beli yang diharuskan. Demikian juga amalan riba yang diharamkan.

Menerusi naskhah ini, pembaca dapat memahami tatacara jual beli yang bersih, telus dan sihat dalam amalan masyarakat Islam. Pembaca juga dapat memahami sebab-sebab pengharaman riba dalam masyarakat Islam. Penjelasan terperinci ini menggambarkan ketinggian semangat ketauhidan dan kebersihan amalan jual beli Islam yang cuba diterapkan oleh pengarang naskhah kepada masyarakat tempatan khususnya dan masyarakat Islam seluruhnya. Keterangan yang jelas pada contoh-contoh tempatan memberikan satu gambaran mengenai hubungan erat pengarang dengan aktiviti sosial setempat. Isu yang dibentangkan oleh naskhah ini juga begitu relevan dengan situasi masyarakat Islam masa kini yang sedang berusaha mempelbagai produk muamalat Islam.

## ISI KANDUNGAN

TOPIK	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
KANDUNGAN	iii
<b>BAB SATU</b>	
<b>Pengenalan Kajian</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Kenyataan Masalah	1
1.3 Objektif Kajian	2
1.4 Kepentingan Kajian	3
1.5 Metodologi Kajian	4
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Kajian Literatur	4
<b>BAB DUA</b>	
<b>Pengenalan Naskhah dan Penyalin</b>	
2.1 Pendahuluan	6
2.2. Penyalin Naskhah	8
2.3 Kegiatan Penyalinan	10

## **BAB 1**

### **PENGENALAN KAJIAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Manuskrip Melayu atau lebih khusus dikenali dengan naskhah Melayu merupakan satu warisan ilmu bangsa Melayu yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang Melayu dan golongan intelek Melayu silam. Penemuan naskhah Melayu yang masih kekal dalam bentuk tulisan asal menunjukkan tahap pencapaian ilmu bangsa Melayu yang tinggi. Selain itu, penulisan naskhah Melayu dalam pelbagai bidang menambahkan lagi ketinggian daya intelek masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu ternyata mampu menghasilkan naskhah dalam bidang perubatan yang berasaskan sumber alam, bidang ketatanegaraan, undang-undang, agama Islam, sejarah bangsa Melayu dan juga bidang ekonomi.

#### **1.2 Kenyataan Masalah**

Pada masa kini, naskhah Melayu lebih merupakan satu warisan budaya yang hanya mengisi muzium, arkib dan perpustakaan. Warisan ini tidak memainkan peranan, malah tidak memberi kesan sedikit pun kepada perkembangan kemasyarakatan. Naskhah ini sudah terlepas dari pakaian masyarakat Melayu dan terpinggir dari kehidupan. Keadaan yang sangat berbeza berlaku dalam kelompok cendekiawan Barat di mana mereka lebih mengambil berat tentang manuskrip ini sehinggakan mereka telah mentelaah dan menjalan kajian yang berkaitan serta menegaskan bahawa naskhah Melayu merupakan cermin rumpun Melayu. Dengan kata lain, jika ingin mengenali siapakah Melayu, maka cari dan bacalah naskhah Melayu.